

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

HIU 122 – Perluasan ‘Aqidah Islamiyyah: Konsep Dan Penghayatan

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT [4]** soalan daripada yang berikut:

1. ‘Aqidah Islamiyah mempunyai beberapa ciri istimewanya yang tertentu. Huraikan 2 ciri ‘Aqidah Islamiyah yang berikut:
 - [a] *Rabbaniyah*.
 - [b] *Wasatiyah*.
2. Pengalaman menunjukkan bahawa keimanan kepada Tuhan dan Hari Akhirat mempunyai kesan dan pengaruh yang positif di dalam kehidupan individu dan masyarakat. Bincangkan secara ilmiah perkara-perkara berkaitan yang berikut:
 - [a] Iman sebagai sumber ketenteraman jiwa dan kebahagiaan hidup.
 - [b] Iman sebagai motivasi ke arah pembangunan.
3. ‘Ulama Usul al-Din memberikan beberapa pengertian terhadap perkataan *kufur*. Huraikan perkara-perkara berkaitan yang berikut:
 - [a] *Kufur* di sisi Allah dan *kufur* di sisi manusia.
 - [b] Hubungan di antara *kufur* dengan perbuatan-perbuatan maksiat.

4. Syirik merupakan unsur yang berlawanan dengan Tawhid yang menjadi paksi kepada agama Islam. Bincangkan tentang syirik daripada aspek-aspek berikut:
 - [a] Syirik di dalam kepercayaan, perkataan dan amalan.
 - [b] Bahaya syirik terhadap 'aqidah seorang Muslim.
5. *Tawassul* adalah suatu isu kontroversi yang sering dipolemikkan di kalangan para 'ulama Usul al-Din sejak zaman silam hingga masa kini. Bincangkan tentang dua jenis *tawassul* yang berikut serta nyatakan hukum setiap satunya:
 - [a] *Tawassul* dengan peribadi Rasul Allah s.a.w.
 - [b] *Tawassul* dengan do'a orang-orang salih.
6. Islam menuntut umatnya bertawakkal kepada Allah SWT di dalam segala urusan dunia dan akhirat. Bagaimanapun ramai orang terkeliru dalam memahami konsep *tawakkal*. Bincangkan tentang *tawakkal* daripada sudut-sudut berikut:
 - [a] Perbezaan di antara *tawakkal* dan *tawakul*.
 - [b] Hubungan di antara *tawakkal* dengan undang-undang sebab musabab.